

02/10/2003

TV3 papar kisah suka-duka Dr Mahathir

Suraiya Mohd Nor

RAKYAT negara ini seharusnya tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan program istimewa Mahathir yang disiarkan Sistem Televisyen Malaysia Bhd (TV3) selama enam minggu setiap Ahad, pada jam 9 malam.

Program khas berbentuk dokumentari sejarah, menelusuri kisah hidup serta pengalaman suka duka Perdana Menteri Ke-4, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari kecil sehinggalah beliau menjawat jawatan Perdana Menteri (PM).

Rancangan sebanyak enam episod, disiarkan selama 30 minit kecuali episod akhir satu jam, diterbitkan oleh Sa'adullah Che Noor dengan bantuan Mohd Azri Atan dan Rishdy Mohd Rosli. Lakon semula diarahkan Azman Yahya (Jinggo) sementara pengulas dokumentari adalah Pengurus Dokumentari Bahagian Majalah TV3, Zainal Ariffin Ismail.

Episod pertama rancangan yang sudah pun ke udara 28 September lalu, memaparkan kehidupan PM bermula saat kelahiran membawa pada zaman kanak-kanak di rumahnya di Nombor 18, Lorong Kilang Ais, Alor Star, Kedah.

Episod pertama dan kedua menampilkan beberapa babak yang dilakonkan semula bagi menunjukkan suasana sebenar Mahathir ketika kecil dan sewaktu bersekolah.

Sementara episod ketiga, keempat dan kelima bersandarkan sepenuhnya pada maklumat yang diperolehi menerusi temu ramah dan penyelidikan dengan sokongan visual Arkib Negara Malaysia dan Filem Negara Malaysia.

Bagi menjayakan program ini beberapa tokoh ditemubual membabitkan sahabat lama, keluarga terdekat, bekas seteru politik dan juga pekerja beliau.

Antara tokoh yang turut ditemu bual dalam rancangan ini adalah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam dan Tun Ghafar Baba. Turut memberikan pandangan ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali serta anak beliau.

Ketiga-tiga episod ini juga mengandungi ciri-ciri konflik dan berakhir dengan penyelesaian kepada konflik itu sebagaimana dalam episod ketiga, menceritakan kisah pemecatan Mahathir daripada Umno yang berakhir dengan perlantikannya sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Dalam episod keenam pula mengandungi wawancara eksklusif bersama Mahathir yang dikendalikan oleh Pengurus Dokumentari Bahagian Majalah TV3, Zainal Ariffin. Episod ini turut menyelitkan pandangan dan anekdot peribadi mengenai PM daripada beberapa ahli keluarga dan kakitangan yang berkhidmat dengan beliau.

Sehubungan itu, satu majlis pelancaran Program Dokumentari Mahathir diadakan di Hotel Putrajaya Shangri-La, Taman Putra Perdana, Putrajaya, Isnin lalu.

Sekalipun tidak dihadiri Perdana Menteri yang terikat dengan tugas rasmi, beliau diwakili Dr Siti Hasmah bersama tiga anak lelakinya, Datuk Mokhzani, Datuk Mukhriz dan Mirzan bagi melancarkan program berkenaan.

Hadir sama, Pengerusi TV3, Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail, Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Nor Mohamed Yacob, Pengerusi TNB, Datuk Dr Awang Adek Hussin, Ketua Eksekutif kumpulan MMC, Datuk Ismail Shahudin, Naib Presiden Kanan Kewangan Petronas, Datuk Ishak Imam Abas.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif UEM, Abdul Wahid Omar dan Pengurus Besar Perkhidmatan Korporat Penerbangan Malaysia, Dr Muhamadun Abdullah.

Mahathir tidak mengambil perspektif menyanjung tetapi menceritakan perjalanan hidup seorang pemimpin Melayu yang hebat berdasarkan fakta

sejarah serta babak lakonan semula bagi menyuntik sedikit kelainan.

Majlis berkenaan turut menyiarkan sebahagian sedutan daripada episod pertama. Majlis turut diserikan dengan bacaan puisi nukilan PM, Perjuangan Belum Selesai... yang dideklamasikan personaliti TV3.

Penyanyi bersuara lantang, Adibah Nor turut memeriahkan suasana dengan mendendangkan lagu Allahyarham Sudirman Hj Arshad, Warisan.

Rancangan ini ditaja enam syarikat konglomerat membabitkan Penerbangan Malaysia, Telekom Malaysia Berhad, Kumpulan UEM, Kumpulan MMC, Tenaga Nasional Berhad dan Petronas.